

Berit@UTeM

www.utem.edu.my | Edisi April - Jun 2016 (Syawal)

Majlis IFTAR الإفطار IFTAR 2016/ 1437H TUN CANSELOR



Bersama-sama
Tuan Yang Terutama
Tun Datuk Seri Mahathir Bin Ya

PROJEK
SAHUR C*
ON THE ROAD



Majlis Iftar Bersama Tun Canselor: 52 terima sumbangan



Seramai 52 orang penerima termasuk mahasiswa Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang kurang berkemampuan serta anak-anak yatim telah menerima sumbangan sempena Ramadhan Mubarak.

Sumbangan menggunakan Tabung Amal Jariah UTeM, PUSPANITA, Badan Kebajikan Staf UTeM (BAKUTeM) itu telah disampaikan oleh Canselor UTeM Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil Yaakob pada Majlis Iftar universiti tersebut yang berlangsung di Masjid Sayyidina Abu Bakar pada 16 Jun lalu. Antara penerima sumbangan termasuk pelajar miskin dari Sekolah Rendah Agama JAIM Tun Razak, Sekolah Kebangsaan Datuk Demang Husin dan anak kakitangan UTeM yang kurang mampu.

Majlis Iftar bersama Tun Canselor itu diadakan pada setiap tahun

bertujuan meningkatkan kefahaman dan penghayatan warga universiti itu mengenai hikmah dan kelebihan bulan Ramadhan.

Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin berkata, majlis itu juga mengeratkan perhubungan silaturahim selain memberi peluang kepada warga universiti untuk berhimpun, berbuka bersama seterusnya beribadah secara berjemaah.

Menurut beliau lagi, pada setiap tahun, pelbagai aktiviti dianjurkan di peringkat universiti bagi menghidupkan bulan yang mulia ini termasuk penggiliran memasak bubur lambuk, Majlis Iftar Jama'i peringkat Pusat Tanggungjawab, program tazkirah di masjid, bertadarus, i'tikaf dan Qiamullail bagi mengimarahkan bulan Ramadhan.

Hadir sama, Ketua Menteri Datuk Seri (Dr.) Idris Haron dan isteri Datin Seri Fadilah Abdullah, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Wira Naim Abu Bakar, Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi, Datuk Wira Md Yunos Husin, Pro Canselor UTeM Datuk Wira Ismail Saleh, Pengurus Lembaga Pengarah Universiti Tan Sri Ahmad Tajuddin Ali serta seluruh warga universiti.

Pada majlis itu juga menyaksikan Mohd Khalil menerima sumbangan zakat dari Bank Islam Malaysia Berhad sebanyak RM30,000.00 kepada UTeM bagi membantu dan menyokong perkembangan akademik para pelajar yang kurang berkemampuan di universiti itu.

SIDANG EDITORIAL Berit@UTeM

Ketua Editor
Fazidah Ithnin


Wartawan
Zulfatria Abdullah

Tengku Nur Nadhirah Tengku
Md Saabri

Reka Letak Grafik
Shahril Hazizi Abu Bakar

Jurufoto
Jurufoto Rasmi Universiti

Pengedaran
Mohamad Haffize Ramli





Seniman bersahur di UTeM

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan kerjasama Persatuan Seniman Malaysia (Seniman) menganjurkan program 'Sahur On The Road' bertempat di Kolej Kediaman Lestari baru-baru ini.

Dalam program itu, sebanyak 1,000 pak makanan telah disediakan untuk diagihkan kepada pelajar UTeM dan memberi peluang untuk bersahur bersama artis.

Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib berkata, program itu merupakan inisiatif pihak Seniman untuk merapatkan hubungan golongan artis dengan pelajar UTeM bagi melahirkan semangat keluargaan, memupuk perpaduan dan melahirkan pelajar yang seimbang dalam pelbagai aspek.

"UTeM merupakan universiti pertama yang terlibat dalam program sahur bersama seniman dan penglibatan para artis ini telah menarik minat pelajar UTeM untuk menghadiri program ini" ujar beliau.

"Penganjuran program ini juga membawa mesej kepada seluruh umat islam di negara ini untuk mensyukuri nikmat di atas keamanan dan kestabilan yang dikenai ketika ini yang membolehkan kita menjalani ibadah puasa dengan penuh khusyuk di bulan penuh keberkatan ini" ujar beliau.

Sementara itu, Presiden Seniman Zed Zaidi berkata, penganjuran program ini merupakan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang sering diadakan oleh pihaknya terhadap dalam mendekati masyarakat terutamanya kepada pelajar.

"Tahniah dan syabas kepada pelajar UTeM yang telah beramai-ramai hadir ke program ini walaupun sedang menghadapi peperiksaan akhir semester" ujar Zed Zaidi.

Seramai lebih 500 pelajar terlibat dalam program ini disamping penyertaan artis seperti Alif AF7, Putra Amaris, Keena Mentor, Alana Amir, Nas Ardilla, Joe BPR, Amaris, Zack Kool dan Zuraini Kassim.



PENGURUSAN TERTINGGI UNIVERSITI

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T yang mengurniakan rahmat dan nikmat kepada semua umat Islam. Saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah rahmat dan hidayat-Nya, kita sekali lagi dapat bersama-sama menyambut Hari Raya Aidilfitri pada tahun 1437H ini. Dikesempatan ini juga, dengan seikhlas hati semurni kasih, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada seluruh warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

YBHG. TAN SRI DR. IR. AHMAD TAJUDDIN ALI, FASc.
Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM



Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum w.b.t., Salam Sejahtera dan Salam
1 Malaysia.

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Walillah Hil Hamd Ramadhan, bulan kemuliaan yang penuh keberkatan dan kerahmatan bakal berlalu pergi dengan segala ibadah yang tidak ternilai bagi memupuk diri sentiasa mengasihi Allah SWT. Kini bahang kemeriah Syawal semakin terasa.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri 1437H khasnya kepada warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka, para pembekal dan pemegang taruh dan seluruh Muslimin dan Muslimat. Semoga Aidilfitri yang bakal menjelang tidak lama lagi akan membawa cahaya kegembiraan di dalam hidup anda semua. Mungkin sebahagian daripada kita tidak dapat meraikan Aidilfitri kerana tuntutan tugas yang telah diamanahkan. Laksanakanlah tugas dengan penuh rasa kesabaran, amanah serta tanggungjawab. Semoga pengorbanan ini mendapat balasan yang baik dari Allah S.W.T.

Teruskanlah kesinambungan amalan kunjung mengunjungi, rapatkanlah ukhwah dengan jalinan silaturrahim, bermaaf-

maafan dan hormat menghormati. Kepada mereka yang akan pulang bercuti, rancanglah perjalanan sebaik mungkin agar selamat sampai ke destinasi masing-masing. Bagi mereka yang berada diperantauan, sambutlah kedatangan Syawal ini dengan kemeriah tersendiri bersama rakan-rakan seperjuangan.

Akhir kata, saya ingin menyusun sepuluh jari memohon kemaafan zahir dan batin bagi pihak diri saya serta keluarga di atas apa jua kesalahan, mahupun kesilapan yang dilakukan.

Kian berlabuh tirai Ramadhan,
Lambaian Syawal kian dinanti,
Luhur hati ikhlas kemaafan,
Semoga kesalahan dimaafi.



PROF. DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB
Naib Canselor

Bismillahirrahmanirrahim,
Alhamdulillah,saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah s.w.t dengan rahmatNya telah dapat kita melalui puasa di bulan Ramadhan pada tahun ini. Semoga segala amal kita diterimaNya. Apa yang saya hasratkan agar warga UTeM mendapat pengajaran daripada prinsip dan maksud ibadah puasa, agar kita dapat terus memperkuatkan azam, bekerja bersungguh-sungguh serta sentiasa memajukan diri untuk kebaikan universiti kita. Semoga Allah memberikan ganjaran kebaikan atas amalan yang telah kita lakukan.

Di kesempatan ini, saya menyusun jari sepuluh memohon ampun dan maaf bagi pihak diri saya dan keluarga atas apa-apa yang terkhilaf. Saya berdoa kepada Allah s.w.t supaya warga UTeM dapat menyambut Syawal dengan penuh kegembiraan bersama insan tersayang. Nasihat saya, berhati-hati ketika memandu pada setiap masa di musim perayaan ini. Selamat Hari Raya dari saya dan Warga Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa).

Taqabbal Allahu Minna Wa Minkum, Taqabbal Ya Kareem.
Sekian, Terima Kasih



**PROF. DATUK
DR. MOHD RAZALI BIN MUHAMAD**
**Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)**

PENGURUSAN TERTINGGI UNIVERSITI

Salam
Eidulfitri
1437H

Assalamualaikum wrt wbth..
Taqabbalallahu Minna Waminkum wa
Ja'ala Minal 'Aidin Wal Faidzin..



Berlalu sudah Ramadhan Kareem bulan kemuliaan yang penuh dengan rahmat dan pengampunan. Semoga amalan kita direduha, diganjar sepenuhnya dan diberi kekuatan untuk terus beristiqamah dalam menghayati dan menjawai madrasah Ramadhan yang baru dilalui. Sempena hari lebaran ini, saya dan keluarga serta seluruh warga Pejabat TNCP menghulur tangan mengharap kemaafan andai kiranya ada perlakuan dan bait bicara yang mengguris hati menyenggung rasa sepanjang berkhidmat di sini. semoga Ramadhan membawa Seribu Keinsafan.. Semoga Syawal membawa Seribu Kegembiraan.. 'Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin'

PROF. IR. DR. MOHD. JAILANI BIN MOHD. NOR
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan & Inovasi)

Saya dan semua staf dari pejabat Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti) dengan ingatan tulus ikhlas mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh warga UTeM. Semoga Aidilfitri kali ini memberi erti dan lebih meriah di samping keluarga dan sanak saudara.

Bunga rampai dihiris-hiris
Harum baunya untuk merenjis
Pulanglah perantau bertemu waris
Ukhwah terjalin usah dikikis

Ramadhan berlalu Syawal bertaut
Gema takbir iramanya syahdu
Tangan dihulur salam bersambut
Berbalas kunjung terubatlah rindu

Salam Aidilfitri,
Maaf Zahir & Batin

PROF. DATUK
DR. ZOLKEPLI BIN BUANG
Penolong Naib Canselor
(Pembangunan Dan Pengurusan Fasiliti)

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpahan rahmat dan ehsanNya juga kita dapat bersama-sama menyambut Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini. Mudah-mudahan puasa dan segala amal ibadah kita sepanjang bulan ramadhan tahun ini diterima dan diberi ganjaran pahala berlipat-ganda oleh Yang Maha Esa. Mudah-mudahan juga kita dikembalikan kepada fitrah insaniah yang bersih jiwa dan suci hati serta sihat tubuh dan minda.



Bersempena dengan hari yang mulia ini, saya seisi keluarga mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada seluruh warga UTeM.

Suci hati sepanjang berpuasa,
Hiba rasanya meninggalkan ramadhan,
Sinar aidilfitri mengundang ceria,
Sama-samalah kita bermaaf-maafan.

PROF. MADYA DR. IZAIDIN BIN ABDUL MAJID
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar)

Kami warga Pejabat Jaringan Industri dan Masyarakat mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh warga UTeM. Semoga hari yang mulia ini bakal merapatkan talian kekeluargaan dan persahabatan serta membawa kegembiraan dan ketenangan kepada semua.



Untuk warga UTeM yang beragama Islam, diharapkan agar sebulan berpuasa ini meningkatkan iltizam dan usaha kita menambah nilai dalam tugas sehari-hari samada di rumah maupun di pejabat. Seperti kita mengejar gandaan ganjaran amal di bulan Ramadhan, kita juga perlu mengejar kesan berganda dalam pelaksanaan tugas di UTeM. Sesungguhnya kerja adalah ibadah dan Ramadhan adalah latihan kita memperbaiki diri.

PROF. DR. MOHD RIDZUAN BIN NORDIN
Penolong Naib Canselor
(Jaringan Industri Dan Masyarakat)



PENGURUSAN TERTINGGI UNIVERSITI



Perjalanan kehidupan kita tidak sentiasa sempurna dan acap kali kita melakukan kesilapan serta kesalahan. Kesempatan yang ada ini, saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua warga UTeM yang beragama Islam. Saya juga menyusun 10 jari memohon kemaafan daripada semua sekiranya ada salah dan silap sama ada secara sengaja dan tidak disengajakan. Tiada yang lebih diharapkan selain mendapat kemaafan daripada semua. Itulah antara tanda kemenangan di Aidilfitri dan ia sungguh bermakna, Insya-Allah.

DATUK HASAN BIN SIRUN
Pendaftar

Dalam kerendahan hati tentu ada ketinggian pekerti
Dalam kemiskinan harta tentu ada kekayaan jiwa
Dalam kelembutan lidah tentu ada kekasaran bicara
Dalam gurau senda tentu ada khilaf dan dosa
Dalam pandang tegur tentu ada terguris rasa

Marilah kita sambut lebaran
Hari gembira hari kebesaran
Titip maghfirah rintis keberkatan
Semoga hidup dipayungi rahmat Tuhan
Akhirat nanti diberi pandangan ehsan
Oleh Tuhan Raja Sekalian Alam
Di dunia akhir kita mendapat balasan....Amin

Salam Aidilfitri Maaf Zahir & Batin

EN. AZHAR BIN MOHAMED
Penasihat Undang-Undang



Alhamdulillah dengan izin dan kasih sayangNya jua, kita masih diberi kesempatan oleh Allah SWT untuk bertemu bulan Ramadhan yang mulia ini. Semoga kita dapat bersama-sama menghayati Ramadhan dengan meningkatkan Ibadah dan melaksanakan segala tanggungjawab dengan penuh rasa amanah dan bersyukur atas segala limpah rahmatNya.

Gemersik takbir mengundang hiba
Rahmat dan maghfirah sentiasa didamba
Syawal dinanti menjelang tiba
Salam diutus kemaafan dipinta

Awal Syawal raikan kemenangan
Umat Islam saling berkunjungan
Tahmid bertakbir erti ketenangan
Selamat menyambut Hari Lebaran

EN. KHAIRUL BIN TAIB
Bendahari



Gemersik takbir mengundang hiba, Syawal dinanti menjelang tiba. Cahaya Ramadhan berlalunya pergi. Jari ku susun tangan dihulur di hari Raya Aidilfitri mulia memohon keampunan kemaafan zahir dan batin. Jika dalam kelembutan lidah ada ketelanjuran kata tersilap bicara yang berbekas lara dihati. Termarah yang tak kena dan tersulut bertanya yang tak sengaja dan berkaitan. Terpukul di mana-mana. Terpinjam terambil harta yang bukan ku miliki. Agar Allah mengetuk pintu hati untuk memaafkan kesilapan ku yang tak disengajakan dan disedari. Semoga ikatan persahabatan kekal abadi.
SELAMAT HARI RAYA AIDIL FITRI

HAJAH FARIDAH BINTI HJ MD AMIN
Ketua Pustakawan

DEKAN-DEKAN UNIVERSITI

Salam
Eidulfitri
1437H

Di kesempatan ini, dengan rasa rendah diri, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk memohon ampun dan maaf di atas segala salah dan silap samada sedar atau tidak. Betapa manusia ini adalah penuh khilaf dan tiada kesempurnaan. Hargailah setiap detik masa yang ada untuk dikecapi bersama keluarga, sanak saudara, sahabat handai, rakan sekerja, jiran dan sewaktu dengannya agar Syawal tahun ini menjadi cukup bermakna dan berharga.



Moga setiap tautan silaturrahim dan jalinan kasih kita hulurkan menjadi ingatan yang cukup bermakna. Seterusnya mendapat keberkatan dari Allah SWT.

"Salam Ramadhan Al-Mubarak dan Syawal"

DR. NURULFAJAR BIN ABD MANAP
Dekan
Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan
Kejuruteraan Komputer



Buat meriam pasang pelita,
Asap keluar bunyi tiada,
Ucapan raya maaf dipinta,
Harap tiada terguris jiwa.

Sungguh rendang pohon rumbia,
Tempat persinggahan si anak kera,
Pintu rumah sentiasa terbuka,
Silalah datang menjamu selera.

IR. DR. MD NAZRI BIN OTHMAN
Dekan
Fakulti Kejuruteraan Elektrik

Assalamualaikum w.b.t.



Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan Salam Aidil Fitri buat semua warga UTeM khususnya kepada warga FKP. Semoga segala amalan yang dilaksanakan sepanjang Ramadhan ini mendapat rahmat dan keberkatan Allah. Di kesempatan ini, saya memohon kemaafan kerana dalam kelembutan lidah ada juga ketelanjuran kata, dalam gurau dan senda tentu ada khilaf dan dosa.

Salam Aidil Fitri Al-Mubarak.

PROF. MADYA DR. MOHD RIZAL BIN SALLEH
Dekan
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

Assalamualaikum Wrt. Wbt.
Alhamdulillah, dengan penuh kesyukuran atas nikmat yang melimpah ruah yang di anugerahkan Illahi kepada kita semua yang membolehkan kita terus menjalani ibadat pada Ramadhan kali ini.

Semoga Ramadhan kali ini tidaklah yg terakhir untuk kita nikmati & semoga segala amalan dibulan mulia ini diterima & menjadikan kita lebih bersyukur dan meningkatkan keimanan & ketaqwaan kepada Allah s.w.t dalam masa yang sama membantu saudara-saudara segama kita yang kurang bernasib baik.

Bersempena Aidilfitri 1437H, saya dan warga FKM mengucapkan Selamat Hari Raya, Aidilfitri dengan ucapan :
"Taqabbalallahu minnaa wa minkum"
(Semoga Allah menerima dari kami dan dari kamu semua)."



ENGR. PROF. MADYA DR. NOREFFENDY BIN TAMALDIN
Dekan
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal



DEKAN-DEKAN UNIVERSITI

Alhamdullilah, dipanjatkan kesyukuran kehadrat Allah s.w.t dengan limpah kurnianya setelah menempuh pelbagai ujian kesabaran dan amal ibadat dalam bulan Ramadan Al-Mubarak, hari kebesaran yang ditunggu oleh seluruh umat Islam telah hamper tiba. Sempena menyambut Hari Raya Aidilfitri 1437H saya menyusun sepuluh jari memohon kemaafan seandainya terkasar bahasa dan perbuatan terutama kepada warga FTMK, warga UTeM, para pemegang taruh dan semua pihak yang mengenali saya.

Ramadan bakal beransur pergi
Syawal menjelma di Aidilfitri
Seikhlas hati menyusun jari
Mohon dimaaf kekhilafan diri

Salam Aidilfitri, maaf zahir & batin



PROF. DR BURAIRAH BIN HUSSIN

Dekan

Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. di atas limpah kurniaNya serta rezeki yang dicurahkan, kasih dan sayangNya mengizinkan kita semua untuk bertemu Ramadhan kali ini dan seterusnya menyambut lebaran Aidilfitri pada tahun ini.

Sungai disusur sehari-hari
Dalam gelap menangkap ikan
FPTT menyusun sepuluh jari
Salah dan silap harap dimaafkan

Mohon Ampun & Maaf daripada
warga FPTT
Selamat Hari Raya Aidilfitri &
Semoga Silaturahim diberkati Allah.



DR. MOHD SYAIFUL RIZAL BIN ABDUL HAMID

Dekan

Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan

Assalamualaikum wrt. wbt.

Alhamdulillah, kita telah diberi kesempatan oleh Allah swt untuk berjumpa di Ramadhan tahun ini. Semoga kita semua telah mengambil peluang sepenuhnya bagi meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah swt.



Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri kepada kepimpinan UTeM dan semua warga kaitangan dan pelajar UTeM. Ucapan Selamat Hari Raya khusus buat staf, pelajar dan alumni FTK. Kita terus komited untuk Menyerlah Jauh Dari Yang Biasa...

Selamat Hari Raya Aidil Fitri dan Maaf Zahir Batin.

Sebulan Ramadhan kita berpuasa
Malam Tujuh Likur cantik bercahaya
Menyerlah Jauh Dari Yang Biasa
Warga FTK menghulurkan salam 'Selamat Hari Raya'

PROF. MADYA MOHD RAHIMI BIN YUSOFF

Dekan

Fakulti Teknologi Kejuruteraan



Kian Berlabuh Tirai Ramadhan
Lambaian Syawal Kian Dinanti
Luhur Hati Ikhlas Kemaafan
Semoga Kesalahan Dimaaf


Warga IPTK menyusun jari sepuluh
Selamat Hari Raya Maaf Zahir Batin

PROF. MADYA DR AHMAD ROZELAN BIN YUNUS

Dekan

Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan

DEKAN-DEKAN UNIVERSITI



- Mata kadang salah melihat, Mulut kadang salah berucap, Telinga kadang salah mendengar, Hati kadang salah menduga. Maafkan segala kekhilafan, Mohon maaf zahir dan batin.

- Yang singkat itu waktu, yang dekat itu mati, yang besar itu nafsu, yang berat itu amanah, yang sulit itu ikhlas, yang mudah itu berbuat dosa. Maafkan segala kekhilafan. Mohon maaf zahir dan batin.

- Harta paling berharga adalah sabar. Teman paling setia adalah amal. Ibadah paling indah adalah ikhlas. Tingkat paling tinggi adalah iman. Pekara paling berat adalah saling memaafkan.

- Minal 'Aidin wal Faidzin, Mohon Maaf zahir Batin' & nyuwun ngapuro lahir lan batin kepada semua warga UTeM



PROF. MADYA DR. ZULKIFILIE BIN IBRAHIM
Dekan
Pusat Pengajian Siswazah

Bulan Ramadhan bulan yang mulia
Di sambut dengan hati yang gembira
Kini Syawal semakin menjelma
Tangan ku hulurkan maaf dipinta



Di kesempatan ini saya mewakili seluruh warga keluarga PBPI ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin. Semoga Syawal membawa seribu kegembiraan dan jalinan silaturrahim yang berterusan.

DR. ZAWIAH BINTI MAT
Dekan
Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan

MAJLIS PROFESOR UNIVERSITI



Semua Warga UTeM Saya Ingin Mengucapkan
Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri Maaf
Zahir Batin Syawal 1437H

PROF. DATUK DR. MOHD RUDDIN BIN AB. GHANI
Pengerusi
Majlis Profesor Universiti



Salam Eidulfitri 1437H

PENGARAH-PENGARAH UNIVERSITI



Semoga Ramadhan dilimpahi keberkatan dan rahmat...
Semoga Syawal memberi kegembiraan, Insyallah...
Jaga diri, hiisi peribadi...
Salam Aidilfitri Maaf Zahir dan Batin...

LAr. ABDUL WAHAB BIN HARUN
Pengarah
Pejabat Pembangunan



"Bersyukur Kita Kerana dapat menunaikan ibadah puasa dan sekarang dapat menyambut Hari Raya Aidilfitri. Saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri dan mohon maaf kepada Pihak Pengurusan Universiti, Rakan-rakan dan tuan/ puan sekalian.

Selamat Hari Raya Aidilfitri"

PROF. DR. SALLEH BIN YAHYA
Pengarah
Pusat Pembangunan Keusahawanan

Assalamualaikum w.b.t.

Saya, Mohd Isa bin Mohd Dom, Ketua Pegawai Maklumat, Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi (PPPK) dengan ini mewakili seluruh warga Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi (PPPK) mengambil kesempatan mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada seluruh warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terutama sekali kepada mereka yang beragama Islam. Semoga Aidilfitri yang bakal tiba memberi 1001 kerahmatan buat semua.

Dalam kerendahan hati ada ketinggian budi
Dalam kemiskinan harta ada kekayaan jiwa
Dalam kelembutan lidah ada keterlanjuran kata
Dalam gurau senda tentu ada khilaf dan dosa
Mohon kemaafan untuk segala-galanya &
Selamat Hari Raya



EN. MOHD ISA BIN MOHD DOM
Ketua Pegawai Maklumat
Pusat Perkhidmatan Pengetahuan
dan Komunikasi

Assalamualaikum wrt. Wbt.

Alhamdulillah, kita masih diberi kesempatan oleh Allah S.W.T untuk bertemu di bulan ramadhan yang penuh keberkatan ini. Dikesempatan ini, saya mewakili Pusat Islam ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh warga universiti. Mohon ampun di atas apa jua kekurangan dan kesilapan. Semoga dengan kehadiran Syawal pada tahun ini memberi sinar baru dalam hidup kita untuk terus berbakti kepada agama, bangsa dan negara.

Selamat Hari Raya Aidilfitri. Maaf zahir dan batin.

Segala pujian kepada llahi
Di atas hari kemenangan ini
Keampunan dicari di lebaran ini
Sambil menginsafi kesalahan diri

DR. MUHD AKMAL NOOR BIN RAJIKON
Pengarah
Pusat Islam



PENGARAH-PENGARAH UNIVERSITI



Sempena kedatangan hari lebaran ini, saya dan seluruh ahli keluarga PPSKR ingin mengucapkan "Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri" kepada semua staf UTeM. Sambutlah hari kemenangan ini dengan rasa penuh kesyukuran dan kegembiraan di samping keluarga tersayang. Marilah kita lengkapi kemenangan dengan saling memaafkan. Semoga semangat ukhwah kita akan bertambah erat. Ingatan tulus ikhlas dari kami.

Salam Aidil Fitri 1437H. Minal 'Aidil Wal Fa'izeen.
Taqabbalallahu minna waminkum.

PROF. DR. MOKHTAR BIN MOHD YUSOF
Pengarah
Pusat Pengurusan Strategik, Kualiti & Risiko



Cahaya Ramadhan berlalu pergi,
Menyambut tibanya Aidilfitri,
Seikhlas hati menyusun jari,
Ampun maaf segala peri,
Juga segala kekhilafan diri,
Semoga ikatan kekal dihati.

Selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri 1437H kepada semua umat Islam.

Maaf Zahir dan Batin.
Berhati-hati di jalanraya.
Pandu cermat, jiwa selamat.

PN. FAZIDAH BINTI ITHNIN
Pengarah
Pejabat Pengurusan & Perhubungan Canselor

"Biar hati sejernih air, jangan pula dipenuhi lumpur, kalau salah saya belum berakhir, diharap diampun dengan rasa bersyukur".
"Jika budi dipenuhi ikhlas, jangan ia disulam tuba, jika ada salah yang belum dibalas, harap diampun di Hari Raya".

"Biar amarah disunting senyum, ibarat pekerti disulam kasih,
diharap dihilal makan dan minum, ibarat rezeki yang tidak disisih".

SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI, MAAF ZAHIR DAN BATIN.

PROF. MADYA
DR. MD.NOR HAYATI BIN TAHIR
Pengarah
Pejabat Antarabangsa



Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua warga UTEM! Semoga amalan baik kita di Ramadhan yang lepas diterima Allah dan terus berkekalan sehingga Ramadhan akan datang.

Getaran Taqwa
Hidup dan matiku,
Gerak-geri tubuhku,
Lintasan hatiku,

Oh Tuhan, tetapkanlah dijalanku!
Hati ku berdebar,
Akal ku menimbang,
Lidah ku merayu,
Oh Tuhan, redhalah terhadapku!

DR. MUHAMMAD FAHMI BIN MISKON
Pengarah
**Pejabat Perancangan
& Pembangunan Akademik**



Salam Eidulfitri 1437H

PENGARAH-PENGARAH UNIVERSITI

Assalamualaikum warohmatullahi wabarakatuh.

Syukur ke hadrat llahi, sempena lebaran yang mulia ini, saya & seluruh warga PSTP ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri buat semua warga UTeM.

Takbir bergema dihening pagi
Memohon keampunan ke hadrat llahi
Tangan disusun sepuluh jari
Saling ber kunjungan maaf memaafi

Berhati-hati di jalan raya dan saling ingat-mengingati. Kepada seluruh warga UTeM, semoga lebaran ini menyucikan hati dan jiwa kita.

Selamat Hari Raya maaf zahir dan batin

**PROF. MADYA DR.
SAZILAH BINTI SALAM**
Pengarah
Pusat Sumber &
Teknologi Pengajaran



Saya dan semua staf PPP dengan ingatan tulus ikhlas mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh warga UTeM. Selamat pulang ke kampung halaman dan berhati-hati disepanjang perjalanan. Kami mendoakan semoga kita semua dalam rahmat Allah dan beroleh kebahagian dunia dan akhirat. Insya Allah.

Takbir bergema di Aidilfitri,
Syawal menjelma rai kemenangan;
Moga ukhuwah kekal terpasteri,
Salam diutus mohon kemaafan.

**SALAM AIDILFITRI
MAAF ZAHIR & BATIN**



**PROF. MADYA DR. SYED NAJMUDDIN
BIN SYED HASSAN**
Pengarah
Pusat Pengajaran & Pembelajaran

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum w.b.t.

Di kesempatan ini, saya sekeluarga bersama warga CRIM ingin merakamkan ucapan ‘Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin’ kepada seluruh warga UTeM yang beragama Islam. Sambutlah Aidilfitri ini dengan penuh kesyukuran dan semoga amalan kita di sepanjang bulan Ramadhan diterima oleh Allah S.W.T dan mudah-mudahan dapat mengeratkan lagi hubungan silaturrahim di antara kita semua.

Pelita indah disusun berseri
Menjadi hiasan penerang di malam hari
Ucapan dikirim pengganti diri
Tanda kemaafan dipohon setulus hati

Selamat Hari Raya Aidilfitri

Maaf Zahir Batin

PROF. DR. MOHAMMAD ISHAK BIN DESA
Pengarah
Pusat Pengurusan Penyelidikan
Dan Inovasi (CRIM)



Selamat Hari Raya Aidilfitri,
Maaf Zahir Batin.

Semoga keberkatan Syawal tahun ini akan memberikan semangat baru kepada semua untuk beribadah kepada Allah serta memperoleh keampunan dari Nya.

**PROF. MADYA DR. MOHAMAD ZOINOL ABIDIN
BIN ABD. AZIZ**
Pengarah
Pusat Pembangunan Komuniti dan I-CoE

PENGARAH-PENGARAH UNIVERSITI

Salam
Eidulfitri
1437H



Selamat Aidilfitri khas untuk para alumni UTeM.
Semoga berjumpa di Alumni Homecoming 2016 pada 6 Julai ini.

**PROF. MADYA NORHAZIAH
BINTI MD SALLEH**
Pengarah
**Pusat Pengurusan Alumni &
Kebolehpasaran Graduan, PJIM**



Ramadhan bakal beransur pergi
Syawal menjelma di aidilfitri
Seikhlas hati menyusun jari
Memohon dimaaf kekhilafan diri
Salam aidilfitri, maaf zahir batin

SUPT/PB AFFINDI BIN ABU BAKAR
Pengarah
Pejabat Keselamatan

Warga PKA sepuluh bersaudara,
Dua bahagian jadi paksinya,
Amalan hijau jadikan budaya,
SOP Polisi Tenaga dan Sisa;
Madrasah Ramadhan mendidik jiwa,
Jiwa tenang kembali fitrahnya.
Semoga ceria menyambut raya,
Berkongsi laba juga rasa.

Berjimat cermat kitar semula,
Asingkan sisa jimatkan tenaga;
Mampan lestari misi rasmi,
Agenda Universiti seiring visi;
Rahmat berkata di hari mulia,
Raikan bagi satu keluarga.
Ampun maaf redhakan kami
Terkasar bicara mahupun aksi.

PROF. MADYA ENGR. JUHARI BIN AB RAZAK
Pengarah
Pusat Kelestarian dan Alam Sekitar



Saya mewakili seluruh tenaga kerja PKKP mengucapkan Selamat
Menyambut Hari Raya Aidil Fitri, Maaf Zahir & Batin kepada semua
warga UTeM. Semoga ibadah kita diterima dan dirahmati oleh
Allah. Dan semoga UTeM Selamat dan Sihat.

Pergi ke pasar beli rambutan,
Rambutan pulasan sedap rasanya,
Jangan lupa jaga keselamatan,
Keselamatan itu amat berharga.

Rambutan pulasan sedap rasanya,
Kulitnya tebal manis isinya,
Kakau kita selalu berwaspada,
Kita akan selamat selamanya.

EN. AZWAN BIN AZIZ
Pengarah
**Pejabat Keselamatan
dan Kesihatan Pekerjaan**





Salam 1UTeM.

Dalam kerendahan hati ada ketinggian budi. Dalam kemiskinan harta ada kekayaan jiwa. Dalam kelembutan lidah ada juga keterlanjuran kata. Dalam guru dan senda tentu ada khilaf dan dosa. Bersempena dengan Syawal yang tiba ini, saya ingin mengucapkan "Selamat Hari Raya Aidilfitri Maaf Zahir & Batin" kepada seluruh warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Semoga Syawal kali ini disambut dengan penuh kegembiraan bersama keluarga tersayang dan mengeratkan lagi hubungan silaturahim sesama kita. Sekian, salam lebaran.

PROF. IR. DR SIVARAO A/L SUBRAMONIAN
Pengarah
Pusat Pengkomersilan



PENGARAH-PENGARAH UNIVERSITI

PEMIMPIN PERSATUAN UNIVERSITI

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia serta izinNya, kita telah sampai di bulan Syawal, bulan kemenangan dan kegembiraan bagi seluruh umat Islam setelah bermujahadah selama sebulan Ramadhan. Dikesempatan ini, saya, Pengurus Puspanita Cawangan UTeM, ingin menyusun sepuluh jari memohon ribuan ampun dan maaf kepada seluruh warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka, khususnya, kepada semua ahli-ahli Puspanita Cawangan UTeM. Tidak dilupakan kepada semua ahli-ahli jawatankuasa Puspanita UTeM yang sentiasa bekerja ikhlas bersama-sama saya, maaf zahir batin dari saya atas segala salah silap serta keterlaluan yang ada. Saya juga berdoa, semoga kemeriahannya di bulan Syawal ini dapat diraikan bersama keluarga yang tersayang, kaum kerabat, sahabat handai, serta jiran tetangga, dan mendapat keberkatan dan keredhaan Allah SWT, insyaAllah. Amiiin.
SELAMAT HARI RAYA AIDIL FITRI 1437 H.
TAQABBALLALAHU MINNA WAMINKUM.

**WANITA SEPAKAT
NEGARA MENINGKAT**

DATIN FADZILAH BINTI SALIM
Pengerusi
PUSPANITA
Cawangan UTeM



ASSALAMUALAIKUM.. Alhamdulillah syukur ke hadrat ilahi kita diberi kesempatan untuk menunaikan ibadah puasa di bulan Ramadhan 1437H ini. Setelah sebulan kita berpuasa, tiba masanya menyambut hari kemenangan Hari Raya Aidilfitri pada 1 Syawal 1437H. Dikesempatan ini, saya dan seluruh ahli jawatankuasa Badan Kebajikan Staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka (BAKUTeM) ingin mengucapkan "Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin" kepada seluruh warga universiti. Semoga sinar Aidilfitri membawa kemeriahinan dan kebahagiaan kepada semua di samping orang tersayang dan disambut dengan penuh rasa syukur seterusnya mengeratkan lagi silaturrahim sesama kita. Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin.

Assalamualaikum wrt. wbt.
Dikesempatan ini saya dan juga Exco Kesatuan kakitangan Am UTeM (KEKUTeM), ingin mengucapkan Salam Aidil Fitri, Maaf Zahir dan Batin kepada seluruh warga UTeM.

Semoga ibadah puasa yang telah kita laksanakan yang mana kejayaan itu kita rayakan melalui Aidilfitri ini, akan membimbing kita untuk terus menjadi umat yang selamat didunia dan diakhirnati nanti. Di kesempatan ini, saya juga ingin menyeru kepada warga UTeM yang pulang ke kampung supaya berhati-hati ketika memandu dan pastikan keluarga kita selamat sampai ke destinasi yang dituju. Jangan jadikan hari gembira ini menjadi hari berduka-cita untuk kaum keluarga kita.

Riuhan rendah pasang pelita
Pelita dipasang berganti-ganti
Tangan dihulur maaf dipinta
Dari tangan turun kehati
Salam Ikhlas dari saya dan keluarga

JAMAL ABD. NASIR BIN ABD. WAHAB
Presiden
Kesatuan Kakitangan Am UTeM
(KEKUTeM)



ZAINAL BIN BIDIN
Pengerusi
Badan Kebajikan
Staf UTeM (BAKUTeM)



PEMIMPIN PERSATUAN UNIVERSITI

Salam
Eidulfitri
1437H

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat ilahi kerana diberikan ruang dan peluang untuk sama-sama bertemu dan menempuh bulan Ramadhan yang mulia pada tahun ini. Kita berdoa semoga kita diizinkan untuk bertemu semula dengan Ramadhan pada tahun yang akan datang

Saya dan seluruh barisan kepimpinan Persatuan Pegawai Tadbir dan Iktisas UTeM (PRAKTIS) ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidil Fitri kepada semua ahli Lembaga Pengarah Universiti, Pengurusan Tertinggi UTeM, ahli Senat, Pegawai-pegawai Kanan, seluruh staf Pengurusan dan Profesional UTeM merangkap ahli PRAKTIS, ahli-ahli akademik, staf pelaksana dan semua mahasiswa UTeM.

SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI
MAAF ZAHIR DAN BATIN

AHMAD FAIZAL BIN ABDUL RAHMAN
Presiden
Persatuan Pegawai Tadbir dan Iktisas UTeM
(PRAKTIS)



Assalamualaikum wrt wbt dan Salam Sejahtera
Di kesempatan ini, saya mewakili seluruh barisan kepimpinan mahasiswa UTeM ingin menyeru kepada semua mahasiswa UTeM untuk saling bermaaf-maafan diantara satu sama lain, buang yang keruh ambillah yang jernih semoga Syawal ini menjadi saksi kepada keharmonian dan kecemerlangan antara warga Universiti.

Semoga kemeriahannya syawal dapat diraikan bersama keluarga tersayang, sahabat handai serta jiran tetangga dan mendapat keberkatan dan keredhaan Allah SWT.

Tahmid dan takbir memecah sepi
Saling bermaaf menyambut lebaran
Ucapan diberi pengganti diri
Salah dan silap harap dimaafkan

AHMAD NAWAWI BIN MOHD AMIN
YDP Majlis Perwakilan Pelajar
sesi 2015/2016



Assalamualaikum wbt dan salam ukhuwah kepada semua warga akademik Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Saya mewakili pihak UTeMASA ingin mengucapkan rasa kesyukuran kerana diberikan keizinan untuk mencoret bingkisan kata secangkir bicara.

Dikesempatan ini sekali lagi mewakili semua Ahli Jawatankuasa UTeMASA untuk mengucapkan Selamat Menyambut Hari Lebaran yang bakal membuka tabir tidak lama lagi Maaf Zahir dan Batin.

PROF. MADYA MOHD ARIFF BIN MAT HANAFIAH
Presiden
UTeMASA



Salam
Eidulfitri
1437H

MAAF ZAHIR & BATIN

utem_mo

UTeM Official Insta
www.utem.edu.my

258 posts 3,3



ments

Follow

gram Where Great Technical Careers Begin!

11 followers 0 following



Edar bubur lambuk, hargai jasa PASUKAN KESELAMATAN

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengedarkan bubur lambuk kepada pasukan keselamatan yang terdapat di sekitar kawasan Durian Tunggal dan Ayer Keroh.

Penolong Pendaftar Pejabat Pengurusan dan Perhubungan Canselor (PPPC) UTeM Zulfatria Abdullah berkata, program itu merupakan tanda penghargaan universiti teknikal itu terhadap jasa dan pengorbanan pasukan keselamatan.

"Pada hari ini Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib telah menyampaikan sumbangan bubur lambuk ini kepada pegawai dan anggota yang bertugas di Balai Polis Durian Tunggal, Balai Polis Ayer Keroh serta Balai Bomba dan Penyelamat Ayer Keroh" ujar beliau.

"Alhamdulillah, setiap kali bulan Ramadan tiba, UTeM akan mengadakan program memasak bubur lambuk secara gotong royong yang melibatkan semua jabatan di UTeM yang akan turut diagihkan kepada komuniti setempat " ujar beliau.

Beliau memberitahu, pengedaran bubur lambuk

kepada pasukan keselamatan itu juga merupakan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) universiti itu yang sering diadakan pada setiap kali Ramadan selain dari program berbuka puasa bersama anak yatim dan golongan kurang upaya.

"Walaupun sumbangan bubur lambuk ini tidak seberapa, ianya merupakan tanda penghargaan daripada pihak kami kepada pasukan keselamatan yang bertugas 24 jam setiap hari dalam menjaga keamanan di negeri ini terutamanya di sekitar kawasan kampus milik UTeM" ujar beliau ketika ditemui di sini.

Yang turut hadir, Pengarah PPPC Fazidah Ithnin dan Pengarah Keselamatan UTeM Afandi Abu Bakar.



FTMK UTeM bantu golongan KURANG MAMPU

Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menganjurkan Projek Shopping Raya 2016 bagi membantu golongan kurang berkemampuan untuk menghadapi syawal yang bakal menjelma.

Projek yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Khidmat Masyarakat FTMK dengan kerjasama Persatuan Kebajikan Projek Iqra Malaysia itu telah berjaya mendapatkan sumbangan untuk perbelanjaan kelengkapan Aidilfitri kepada 54 orang penerima manfaat dari golongan miskin dan asnaf serta kepada 22 orang penerima manfaat dari Rumah Anak-anak Yatim Jasin.

Pengarah program Dr. Zeratul Izzah Mohd Yusof berkata, projek itu merupakan sebahagian Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) fakulti itu bertujuan untuk membantu golongan kurang berkemampuan seperti anak-anak yatim, fakir miskin dan asnaf membuat persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri sekaligus memberi peluang kepada orang ramai dan masyarakat setempat melakukan kerja amal.

Menurut beliau, Projek Shopping Raya 2016 merupakan kesinambungan daripada kejayaan penganjuran program itu pada tahun lepas.

“Mewakili pihak penganjur Projek Shopping Raya 2016, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua penyumbang Projek Shopping Raya 2016 ini” ujar beliau.

Beliau turut merakamkan ucapan terima kasih kepada 42 sukarelawan yang terdiri dari staf dan pelajar UTeM, yang telah sudi meluangkan masa dan tenaga untuk bersama-sama membawa dan membantu anak-anak ini membeli kelengkapan raya mereka.

Beliau memberitahu, mereka yang terpilih untuk menerima bantuan ini telah dibawa ke pasar raya berhampiran bagi membeli kelengkapan menyambut Hari Raya menggunakan sumbangan yang diterima tersebut.

“Penglibatan para sukarelawan terdiri daripada para pelajar yang berperanan sebagai petugas program, jurugambar dan juruvideo juga sedikit sebanyak dapat menceriakan persiapan raya golongan penerima tersebut” ujar beliau.



TINGKAT AKTIVITI PENGHAYATAN ISLAM

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) perlu mempertingkatkan penganjuran program dan aktiviti penghayatan Islam bersesuaian dengan visi universiti tersebut untuk menjadi pusat perkembangan ilmu yang tersohor.

Pemangku Mufti Melaka Abdul Halim Tawil berkata, Pusat Islam UTeM bukan sahaja berperanan sebagai pusat perkembangan ilmu Islam, malah turut serta memertabatkan perkembangan ilmu konvensional.

Menurut beliau, Pusat Islam UTeM perlu terkehadapan dalam memberikan perkhidmatan yang unggul melalui penerapan idealisme dan dinamik Islam serta berusaha melahirkan para graduan yang mempunyai kekuatan akidah, berketrampilan dan mempunyai nilai insaniah yang tinggi.

“Pusat Islam UTeM perlu sentiasa aktif menganjurkan aktiviti dan program keagamaan melibatkan kepada warga UTeM malah juga turut melibatkan komuniti yang terdapat di sekitar kawasan Durian Tunggal” ujar beliau.

“Penganjuran pelbagai aktiviti seperti kuliah, syarahan, seminar, kursus, bengkel dan majlis ilmu ini mendidik dan membimbing warganya menjadi insan yang beriman, bertaqwa serta berakhhlak mulia” ujar beliau ketika ditemui selepas mengadakan kunjung hormat ke atas Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib di Kampus Induk Durian Tunggal baru-baru ini.

Abdul Halim turut berharap agar Pusat Islam UTeM dapat menjalin kerjasama pintar dengan organisasi lain seperti Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM), Pusat Zakat Melaka (PZM) dan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dalam usaha meningkatkan lagi syiar Islam di negeri itu.

Bersempena kunjungan tersebut, Abdul Halim turut berkesempatan untuk menyampaikan khutbah solat Jumaat di Masjid Sayyidina Abu Bakar serta mengadakan pertemuan bersama warga Pusat Islam UTeM.



UTeM terus jadi PILIHAN PELAJAR

Kaedah pembelajaran yang praktikal dan berfokus dalam bidang kejuruteraan, teknologi kejuruteraan serta teknologi maklumat, merupakan antara faktor utama Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terus menjadi pilihan untuk melanjutkan pengajian tinggi di negara ini.

Menurut Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib, kecemerlangan UTeM dalam bidang penyelidikan di peringkat global serta kemampuan universiti itu dalam menghasilkan graduan berketrampilan, berkemahiran tinggi serta memenuhi kehendak industri turut menjadi penyumbang kepada peningkatan pelajar di UTeM.

Beliau berkata, universiti itu akan terus komited dalam menawarkan kursus akademik yang berkualiti dan diiktiraf bagi menarik minat lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan diploma untuk melanjutkan pengajian di UTeM sekaligus melahirkan graduan Latihan Teknikal dan Pendidikan Vokasional (TVET) berkualiti dalam memenuhi keperluan pasaran pekerja mahir negara menjelang 2025 nanti.

“Penawaran pelbagai kursus teknikal di peringkat diploma hingga pascasiswazah bertujuan untuk memastikan graduan universiti ini terus menjadi pilihan utama industri yang mampu memenuhi permintaan pasaran kerja TVET berjumlah 1.3 juta dalam 12 sektor Bidang Ekonomi Utama

Negara (NKEA) pada 2020 nanti” ujar beliau ketika ditemui pemberita semasa hari pendaftaran pelajar baharu program diploma sesi 2016/2017 di Kampus Induk Durian Tunggal semalam.

Sementara itu menurut Timbalan Pendaftar Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) UTeM Mohd Nizam Pavel berkata seramai 456 orang pelajar telah mendaftar untuk melanjutkan pengajian dalam bidang diploma dalam bidang kejuruteraan dan teknologi maklumat bagi sesi kemasukan tahun ini.

“Biarpun menghadapi persaingan dengan institusi pengajian tinggi yang lain, UTeM terus mendapat kepercayaan ibu-bapa dan para pelajar untuk melanjutkan pengajian berikutan keunikan program akademik yang berorientasikan kepada konsep ‘hands on’ dan komponen pembelajaran yang memenuhi kehendak pihak industri” ujar beliau lagi.



UTeM Outreach bersama Warga Pendidik

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Melaka (JPNM) menganjurkan Program Outreach 2016 bagi memberikan penerangan kepada guru-guru sekolah mengenai peluang pendidikan tinggi yang ditawarkan oleh universiti berkenaan.

Timbalan Pendaftar UTeM Mohd Azmi Mat Said berkata, program penerangan itu melibatkan hampir 100 orang peserta yang merupakan guru-guru kaunseling sekolah sekitar negeri Melaka.

Menurut beliau, dalam program tersebut pihaknya telah menyampaikan taklimat mengenai peluang pendidikan tinggi di peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda serta kursus-kursus yang ditawarkan di UTeM terutamanya bagi pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM).

"Guru-guru juga telah diberikan penerangan mengenai pelaksanaan pengambilan pelajar Diploma dan Ijazah Sarjana Muda melalui kaedah Mod Kemasukan Baharu Bagi Isi Rumah 40% Terendah (Bottom 40%) yang telah mula dilaksanakan di UTeM mulai Sesi Akademik 2013/2014 yang lalu" ujar beliau.

Mohd Azmi memberitahu, sebagai sebuah universiti awam yang berfokus kepada bidang teknikal dan kejuruteraan, UTeM menawarkan peluang kepada lepasan SPM dan STPM yang berkelayakan untuk menyambung pengajian dalam bidang kejuruteraan melalui lima fakulti kejuruteraannya iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer (FKEKK), Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK)".

Tambah beliau lagi, mereka juga berpeluang untuk mengikuti pengajian dalam bidang keusahawanan dan komputer sains yang ditawarkan oleh Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan (FPTT)

serta Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK).

"Kami berharap penganjuran program ini akan dapat membantu para guru-guru untuk menyampaikan penerangan lanjut kepada pelajar mereka mengenai struktur program akademik di UTeM termasuk kemudahan, fasiliti dan yuran pengajian yang boleh membantu mereka membuat pemilihan kursus yang bersesuaian dengan minat dan pencapaian akademik masing-masing" ujar beliau ketika ditemui dalam program tersebut yang berlangsung di Kampus Induk Durian Tunggal, baru-baru ini.

Turut hadir dalam program tersebut Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UTeM Prof. Datuk Dr. Mohd Razali Muhamad dan Timbalan Pendaftar Kanan Bahagian Pengurusan Akademik UTeM Mohd Nizam Pavel.



UTeM-Infineon Perkuuh Kerjasama

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Infineon Technologies Sdn Bhd (Infineon) terus komited untuk memperkuuh kerjasama bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan UTeM yang relevan dengan kehendak industri.

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) UTeM Prof. Dr. Mohd Ridzuan Nordin berkata, kerjasama antara UTeM dengan syarikat peneraju semikonduktor terkemuka di dunia itu telah mula dilaksanakan sejak tahun 2011 melalui penubuhan Pusat Kecemerlangan Industri (I-CoE) yang mendapat sokongan sepenuhnya dari Kementerian Pendidikan Tinggi.

"Melalui kerjasama itu pihak UTeM berganding bahu dengan Infineon mendalami bidang pendidikan, latihan teknikal, penyelidikan, kebolehpasaran graduan dan aktiviti-aktiviti lain yang dapat memberikan manfaat kepada kedua-dua pihak termasuk pelajar dengan bantuan para ahli akademik melalui fakulti-fakulti yang berkaitan" ujar beliau.

Mohd Ridzuan memberitahu, penubuhan I-CoE itu juga telah merintis beberapa inisiatif bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan UTeM seperti penganjuran Minggu UTeM-Infineon, program latihan, penempatan latihan industri, projek sarjana muda tahun akhir, program penyelidikan dan teknikal, ceramah industri dan kerjaya serta pelaksanaan High-End Industry Graduate Internship Programme (HEIGIP).

Sementara itu, dalam perkembangan yang sama Minggu UTeM-Infineon 2016 turut akan berlangsung pada 11 dan 12 Mei ini di Kampus Teknologi UTeM Ayer Keroh.

Minggu Infineon-UTeM yang telah diadakan sejak 2013 itu merupakan satu saluran untuk mengukuhkan hubungan antara UTeM dan Infineon yang merupakan rakan kongsi strategik industri utama.

Program itu juga bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengalaman baharu kepada kepada para pelajar UTeM terutama berkaitan kemajuan teknologi yang digunakan Infineon yang sememangnya diiktiraf di seluruh dunia.

Antara aktiviti yang telah diadakan adalah lawatan pelajar UTeM ke kilang Infineon Batu Berendam Melaka, ceramah kerjaya, klinik penulisan resume, pertandingan poster serta sesi temuduga pelajar.

Majlis perasmian penutup telah disempurnakan oleh Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib dan turut dihadiri oleh Pengarah Urusan Infineon Lee Cheong Chee.



Karnival Gen Y Malaysia Dihatiku Terap Nilai Patriotik



25 - 28 MEI 2016
PPP | DEWAN BESAR
KOMPLEKS SUKAN

- * PAMERAN AGENSI KERAJAAN * FORUM "APA KATA GEN Y"
- * MAJLIS ZIKIR ASMAUL HUSNA * LARIAN PATRIOT
- * PERTANDINGAN VIDEO PENDEK * FOOD TRUCK
- * ZIARAH KASIH * PERTANDINGAN DEKLAMASI SAJAK
- * PERTANDINGAN LAGU PATRIOTIK
- * FESTIVAL MERCU UTeM * DAFTAR PEMILIH
- * PERTANDINGAN SELFIE/WEFIE MALAYSIA DIHATIKU



Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menganjurkan Karnival Gen Y Malaysia Dihatiku bagi memberi pendedahan mengenai amalan dan kepentingan penghayatan nilai patriotik di kalangan pelajarnya.

Pengarah Program Dr. Norliah Kudus berkata, program anjuran Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI) dengan kerjasama Jabatan Penerangan Malaysia berlangsung pada 25 Mei hingga 28 Mei lalu bertujuan memberikan kesedaran tentang kepentingan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat di negara ini.

"Mutakhir ini kita dapati kekurangan penghayatan nilai-nilai patriotisme di kalangan pelajar dan golongan belia yang merupakan bakal pemimpin yang mampu mencorakkan identiti serta hala tuju negara ini" ujar beliau.

Norliah memberitahu, penganjuran program itu merupakan antara komitmen UTeM dalam menyemarak dan menyuburkan semangat patriotik di kalangan warganya tanpa mengira bangsa,

agama dan fahaman politik dengan menginsafi dan menghargai jasa-jasa pemimpin terdahulu yang telah berjuang mencapai kemerdekaan untuk negara.

"Saya yakin penganjuran program ini telah memberi manfaat yang besar kepada warga UTeM terutamanya para pelajar yang dilihat sebagai role model oleh golongan remaja belia dan mempunyai peranan serta tanggungjawab sosial dalam masyarakat" ujar beliau lagi.

Program yang telah diadakan di Kampus Induk Durian Tunggal itu akan menyaksikan pelbagai aktiviti akan diadakan termasuk kempen daftar pengundi, ziarah kasih, larian dan nyanyian lagu patriotik, pameran oleh agensi kerajaan, forum Apa Kata Gen Y dan banyak lagi.

Majlis perasmian karnival telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Sains Teknologi dan Inovasi Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah yang turut dihadiri oleh Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib serta lebih 1500 pelajar.

Program Fakulti CEO Lahir Graduan Holistik dan Seimbang



Seramai 80 pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menyertai program Fakulti Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) menampilkan Presiden Samsung Malaysia Lee Sang Hoon yang berlangsung di ibu pejabat syarikat tersebut di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Penolong Pendaftar UTeM Mohd Erwan Yusop berkata, UTeM yakin penganjuran program itu dapat memberi pendedahan kepada para pelajar terhadap bidang yang diceburi sebelum mereka bergraduat bagi melahirkan graduan yang holistik dan seimbang.

Menurut beliau, program tersebut merupakan salah satu inisiatif Kementerian Pendidikan Tinggi selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) bertujuan meningkatkan penyertaan sektor industri dan awam dalam sistem pendidikan tinggi negara melalui perkongsian pengalaman dan kepakaran masing-masing.

"Program Fakulti CEO ini memberi peluang dan pendedahan yang sangat bermakna kepada pelajar UTeM dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Kejuruteraan Komputer serta Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi untuk berkongsi idea dan pandangan bersama tokoh korporat seperti Lee yang berpengalaman luas dalam bidang industri" ujar beliau.

Mohd Erwan memberitahu, pelajar UTeM turut berasa kagum dan teruja dengan inovasi dan teknologi yang

dibangunkan oleh Samsung dan ianya merupakan sesuatu yang luar biasa.

"Peluang beramah mesra serta berkongsi pengalaman ini telah memberi impak yang mendalam kepada motivasi dan perkembangan sahsiah pelajar.

Ini ditambah dengan sikap ramah Lee yang begitu prihatin dan komited menjadikan program ini sangat bermakna" ujar Mohd Erwan.

Dalam ucapannya, Lee yang merupakan Profesor Adjung UTeM telah memberikan kata-kata nasihat dan perangsang serta menggalakkan pelajar untuk berimajinasi untuk masa depan yang akan dilalui.

Jelas Lee lagi, manusia tidak akan rugi jika berimajinasi kerana imiginasi mampu mencipta kelainan dalam kehidupan sekaligus membawa manusia ke tahap yang lebih tinggi.

Program itu turut menyaksikan Pengarah Hal Ehwal Korporat Samsung Malaysia Datuk Roh Jae Yol menceritakan kisah kejayaan Samsung serta taklimat oleh Naib Presiden Samsung Malaysia Lee Jui Siang mengenai perkongsian teknologi dan inovasi terkini Samsung.

Taklimat peluang kerjaya dan latihan kecekapan turut disampaikan kepada para pelajar serta sesi kuiz yang menyaksikan dua pelajar UTeM Lai Moon Chin dan Farahniza Othman dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Kejuruteraan Komputer memenangi telefon bimbit Samsung Galaxy A5.

UTeM anjurkan Lawatan Kesepunyaan dan Keserakahan bersama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Pada 8 Jun 2016, jam 2.30 petang telah berlangsung Lawatan Kesepunyaan dan Keserakahan melibatkan UTeM dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM). Delegasi UTeM telah disambut bersama oleh Prof. Dr. Torla Hj. Hassan, Timbalan Rektor (Akademik & Perancangan), Profesor. Emeritus Dato' Dr. Wira Ir. Dr. Md Noor bin Salleh, Dekan Kulliyah of Engineering bersama warga Universiti.

Lawatan tersebut adalah bertujuan menyahut Inisiatif yang telah diilhamkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi dalam menjayakan pendekatan pendidikan flexibel, sebagai kerangka pemikiran baru dalam konteks pendidikan tinggi. Konsep kesepunyaan ataupun dikenali sebagai “commonality” perlu dihargai oleh Universiti Awam. Melalui konsep ini, kesemua Universiti Awam dan Swasta, hinggalah ke Politeknik dan Kolej Komuniti, dilihat sebagai satu ekosistem yang lengkap, saling menghormati dan mewujudkan perkongsian dari segi pengalaman, sumber insan, kewangan, penyelidikan bersama, penawaran program akademik dan sebagainya.

Justeru, melalui pertemuan selama 2 jam yang berlangsung di Pejabat Timbalan Rektor (Akademik dan Perancangan), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia itu, banyak perkongsian pengalaman terutama aspek pembangunan sahsiah pelajar serta pengurusan pelajar antarabangsa telah dibincangkan. Selain itu, beberapa bentuk kerjasama juga berjaya dicapai seperti Program Mobiliti Pelajar, Penyeliaan secara bersama bagi program Pascasiswazah, pelaksanaan Program Akademik dan perkongsian teknologi telah dibincangkan. Mesyuarat lanjutan bagi meneruskan agenda ini akan dilaksanakan oleh pejabat atau fakulti yang terlibat. Delegasi UTeM dihadiri oleh Prof. Datuk Dr. Mohd Razali bin Muhamad, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Timbalan Dekan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Pengarah Pejabat Perancangan dan Pembangunan Akademik serta Pengarah, Pejabat Antarabangsa.



Tanam sikap, budaya prestasi tinggi

Mahasiswa Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) perlu menanam sikap dan budaya berprestasi tinggi bagi mencipta kecemerlangan dan kegemilangan bagi menjadikan UTeM sebagai universiti yang terbilang dan terkemuka di rantau ini.

Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib berkata, semua mahasiswa UTeM perlu mengubah minda dan sikap untuk melakukan sesuatu perkara dengan tekun dan bersungguh-sungguh.

Menurut beliau, melalui penghayatan dan amalan sedemikian ianya akan membantu mahasiswa untuk mencapai kejayaan dalam semua bidang termasuk akademik, sukan dan kepimpinan.

"Namun begitu, kejayaan itu tidak semata-mata didorong oleh bakat yang dianugerahkan tetapi juga bersandarkan kepada ilmu dan kesungguhan" ujar beliau.

Shahrin berkata, ilmu adalah aset yang penting yang wajib dicari dan digali, manakala bakat adalah satu pemberian atau anugerah Tuhan kepada hamba Nya.

"Kegemilangan dan kecemerlangan yang yang dicapai oleh setiap mahasiswa merupakan jasa bakti yang sangat bermakna dan jadikanlah ia sebagai satu titik

permulaan untuk menyumbang bakti ke arah yang lebih besar kepada universiti" ujar beliau ketika berucap dalam Majlis Anugerah Bakti dan Kecemerlangan Pelajar UTeM yang berlangsung baru-baru ini.

Dalam majlis tersebut sebanyak 10 anugerah diberikan, antaranya ialah Anugerah Keusahawanan, Kebudayaan dan Kesenian, Kepimpinan, Kesukarelawan, Inovasi dan Kepimpinan.

Anugerah tersebut merupakan pengiktirafan kepada mahasiswa universiti tersebut yang telah mengharumkan nama UTeM sepanjang tahun 2015 yang lalu serta sebagai satu motivasi dan dorongan untuk terus berjaya di masa hadapan.



Karnival FTMK Tingkat Kemahiran Insaniah Pelajar

Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menganjurkan Karnival FTMK 2016 bagi meningkatkan kemahiran insaniah pelajar seiring dengan pencapaian akademik.

Program yang dikendalikan oleh Persatuan Pelajar Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FICTS) itu bermula 27 dan 28 April lalu di Kampus Induk Durian Tunggal.

Pengarah Karnival Ahmad Amni Farhan Mishadi berkata, karnival itu bertujuan untuk mempromosikan produk-produk, kemudahan dan peluang pengajian yang ditawarkan oleh FTMK sekaligus mendekatkan masyarakat dengan universiti.

"Penganjuran karnival ini juga bertujuan membentuk pelajar UTeM yang berketrampilan dan berkeyakinan tinggi dalam semua aspek meliputi aspek sahsiah diri, kepimpinan dan tadbir urus yang cekap."

"Pelbagai acara telah diatur bersempena karnival ini termasuk pameran keselamatan jalan raya dengan kerjasama agensi seperti Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM)" ujar beliau.

Jelas Ahmad Amni Farhan lagi, turut diadakan ialah karnival dan ceramah kerjaya, Malam Kesenian Islam, Konsert Amal Palestin, pameran buku, pameran anti dadah, kempen derma darah, pertandingan permainan atas talian, forum, gerai jualan dan banyak lagi.

"Alhamdulillah, karnival ini telah mendapat sambutan yang positif daripada seluruh warga UTeM terutamanya pelajar FTMK". ujar beliau.

Beliau memberitahu, pihaknya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak terutamanya pengurusan UTeM, agensi dan jabatan kerajaan, pihak penaja iaitu Malaysia Technical Scientist Association (Maltesas) serta penaja yang lain dalam memberikan sokongan dan komitmen bagi menganjurkan karnival itu.



UTeM Iktiraf Kecemerlangan Atlet Universiti

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menganjurkan Majlis Anugerah Sukan UTeM (MASUTeM) bagi mengiktiraf kecemerlangan atlet yang telah mengharumkan nama universiti sepanjang 2015 yang lalu.

Majlis yang berlangsung di Dewan Pusat Sukan Kampus Induk Durian Tunggal baru-baru ini menyaksikan 7 kategori anugerah diperuntukkan kepada staf dan 8 kategori kepada pelajar.

Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib berkata, penganugerahan tersebut merupakan sebagai dorongan untuk menyuntik semangat warga UTeM untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang sukan dan mengharumkan nama universiti di persada sukan tanahair.

"Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam berfokus dalam bidang teknikal, UTeM bukan sahaja komited untuk melahirkan graduan yang mempunyai kemahiran teknikal yang tinggi dan kompeten malahan juga cemerlang dalam bidang sukan" ujar beliau ketika ditemui pihak media.

Beliau berkata, penglibatan aktif warga UTeM dalam bidang sukan dilihat dapat meningkatkan lagi keyakinan diri, semangat juang tinggi, membina asas kepimpinan dan kerja berkumpulan sebagaimana yang telah digariskan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) (PPPMPT).

"Setiap warga UTeM perlu melihat aktiviti sukan sebagai satu elemen penting dalam usaha untuk mencapai kualiti

hidup yang optimum sama ada keterlibatan secara beriadah maupun bergiat secara aktif" ujar beliau.

Dalam kategori pelajar, MASUTeM 2015 menyaksikan atlet basikal Muhammad Asyraf Anuar dari Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi dinobatkan sebagai Olahragawan MASUTeM manakala atlet petanque, Nurul Ain Mohd Ali dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan dinobatkan sebagai olahragawati.

Atlet olahraga Shamsul Sabtu dari Pejabat Pengurusan Kenderaan dan atlet bola jaring Siti Massheila Azman dari Pejabat Bendahari dipilih sebagai olahragawan dan olahragawati bagi kategori staf.

Shahrin memberitahu, antara pencapaian membanggakan atlet UTeM sepanjang tahun 2015 adalah tempat ketiga keseluruhan Kejohanan Varsity Cycling Challenge (VCC), naib juara Liga Ragbi Melaka dan johan keseluruhan kategori olahraga veteran Sukan Universiti (SUKUM) 2015 serta terpilih mewakili negeri Melaka dan pasukan kebangsaan dalam beberapa acara sukan.

Yang turut hadir Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Prof. Dr. Izaidin Bin Abdul Majid, Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti) Prof. Datuk Dr. Zolkepli Bin Buang serta para atlet dan warga universiti.



BTEC LAB terap Budaya Keusahawanan Pelajar

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menganjurkan program membudayakan amalan keusahawanan bagi melahirkan graduan bercirikan usahawan yang mampu menyediakan peluang kerjaya kepada masyarakat di negara ini.

Program dikenali BTEC LAB itu merupakan anjuran pelajar Ijazah Sarjana Muda Teknousahawanan (BTEC) Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT) yang berlangsung pada 10 Mei lalu di Kampus Bandar, Jalan Hang Tuah.

Ketua Jabatan Teknousahawanan FPTT Azrina Othman berkata, program tersebut bertujuan membentuk semangat daya saing dikalangan pelajar untuk menceburi bidang perniagaan supaya mereka dapat meraih pelbagai pengalaman dan ilmu yang berguna.

"Saya percaya perlaksanaan program ini mampu melahirkan usahawan-usahawan muda dikalangan pelajar UTeM yang mempunyai kekuatan mental dan rohani bagi mengharungi dunia keusahawanan yang penuh cabaran dan kompetitif" ujar beliau.

Azrina memberitahu, walaupun UTeM merupakan universiti awam yang berfokus dalam bidang teknikal, namun bidang keusahawanan turut ditekankan di dalam Pelan Strategik Universiti 2012-2020 bagi membentuk pemimpin berciri teknousahawanan untuk membangunkan atribut keusahawanan dikalangan pelajarnya.

Tambah beliau lagi, penganjuran program itu juga secara tidak langsung dapat membantu memperkenalkan fakulti tersebut serta kursus yang ditawarkan kepada masyarakat setempat.

Pelbagai atur cara telah diadakan bersempena program itu termasuk pameran, gerai jualan, aktiviti sukan dan permainan serta perundingan keusahawanan oleh pensyarah Jabatan Teknousahawanan FPTT. Orang ramai dijemput hadir bagi memeriahkan acara pada hari tersebut.

Program tersebut turut mendapat sokongan dan kerjasama dari pelbagai agensi seperti SME Bank, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Tekun Nasional serta Agenzi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).

Majlis perasmian karnival telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof. Datuk Dr. Mohd Razali Muhamad serta dihadiri oleh Dekan FPTT Dr. Mohd Syaiful Rizal Abdul Hamid, ketua-ketua jabatan dan para pelajar.



UTeM, PERKESO jalin Kerjasama Tambahbaik Sistem Rehabilitasi

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menjalankan kerjasama dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) meliputi pelbagai bidang termasuk projek penambahbaikan sistem peralatan rehabilitasi dan projek pembuatan kaki palsu.

Pengurus Pusat Kecemerlangan Robotik dan Automasi Industri (CeRIA) UTeM Prof. Dr. Marizan Sulaiman berkata, kerjasama itu melibatkan bidang penyelidikan dan inovasi antara pusat itu dan Pusat Rehabilitasi PERKESO Melaka.

"Melalui kerjasama ini, penyelidik-penyeleidik dari UTeM akan memberikan khidmat kepakaran teknikal kepada Pusat Rehabilitasi PERKESO Melaka dalam membantu pesakit yang sedang menjalani rawatan di pusat tersebut" ujar beliau.

Di bawah kendalian PERKESO, sebuah pusat rehabilitasi telah dibuka di Melaka yang dikenali sebagai Pusat Rehabilitasi PERKESO Melaka. Pusat ini dibina untuk membantu orang berinsurans PERKESO ataupun pekerja dengan menggunakan teknologi peralatan-peralatan rehabilitasi yang terkiniuntuk dipulihkan secara fizikal dan vokasional supaya kembali semula ke alam pekerjaan.

Menurut beliau lagi, kerjasama itu juga diharapkan dapat melonjakkan lagi keupayaan, daya saing dan kelestarian UTeM serta memberi pengiktirafan kepada warga penyelidik universiti dalam menyumbang kepakaran serta khidmat bakti kepada komuniti.

"Di samping itu, jaringan kerjasama ini merupakan pendekatan yang akan merapatkan UTeM dengan industri di Malaysia kerana Pusat Rehabilitasi PERKESO Melaka merupakan satu-satunya pusat PERKESO di Malaysia dan menerima pesakit dari setiap industri di Malaysia" ujar beliau.

Katanya lagi, kedua-dua pihak turut akan bekerjasama dalam pembangunan produk inovasi, menjalankan latihan, bengkel dan mesyuarat saintifik mengenai perkara-perkara yang mempunyai kepentingan bersama.

Satu majlis menandatangani memorandum perjanjian persefahaman antara UTeM dan PERKESO telah diadakan bertempat di Kampus Induk UTeM Durian Tunggal yang turut dihadiri oleh Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib dan Ketua Eksekutif PERKESO Datuk Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed.



PUSPANITA CAWANGAN UTeM SANTUNI WARGA EMAS BUKIT LARANG MELAKA



Sempena bulan Ramadan yang diberkati dan dimuliakan, Puspanita Cawangan UTeM yang dipimpin oleh YBhg Datin Fadzilah binti Salim bersama-sama dengan AJK Puspanita UTeM telah mengadakan kunjungan mesra ke Rumah Warga Emas, Bukit Larang Melaka pada 25 Jun 2016 yang lalu. Rumah warga Emas di Bukit Larang ini adalah rumah teres setingkat dibawah Pengurusan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Negeri Melaka. Terdapat 10 buah rumah yang didiami oleh 11 orang warga emas. Rumah ini didiami oleh warga emas yang mampu berdikari dalam urusan sehari-hari selain daripada mendapat bantuan yang minima daripada pihak JKM, Negeri Melaka.

Aktiviti kunjungan mesra yang dilakukan ini adalah merupakan aktiviti tahunan Puspanita UTeM. Salah satu objektif kunjungan mesra ini dilakukan adalah untuk mendekatkan warga kampus dengan masyarakat luar disamping menyelami kehidupan sebenar warga emas yang hidup bersendirian sebagai pengajaran kehidupan kepada masyarakat umumnya.

Semasa kunjungan dilakukan, Puspanita UTeM telah menyalurkan sumbangan berbentuk kewangan dan keperluan harian kepada setiap penghuni di Rumah Warga Emas Bukit Larang. Kunjungan mesra Puspanita UTeM ini di sambut oleh penyelia sukarelawan iaitu Pn Hayati bt Jaffar dengan memberi maklumbalas mengenai keadaan warga emas yang ditempatkan disitu. Lawatan mesra yang dilakukan kali ini banyak memberi pengajaran kepada AJK Puspanita yang terlibat, apa yang dapat digarapkan disini adalah “sayangilah kedua orang tua kita, siapalah kita tanpa kasih sayang mereka. Kasih mereka tidak boleh dibeli dengan harta dan permata”.

Satu lagi pengajaran dan pedoman untuk tatapan bersama hasil daripada kunjungan mesra ini adalah “Sewaktu kita masih kecil, ibu sering mengajar dan membuat diri kita sentiasa TERSENYUM!!!. Tetapi apabila kita telah dewasa, mengapa kita selalu lupa untuk MEMBUAT IBU KITA TERSENYUM BAHAGIA? Renungkanlah....

52 Pelajar UTeM takluk Gunung Arong

Seramai 52 pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berjaya mendaki Gunung Arong setinggi 898 kaki yang terletak di Mersing Johor.

Cabaran pendakian dikenali Arongvventure itu anjuran Sekretariat Rakan Muda (SRM) UTeM dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan Negeri Melaka, Biro Tatanegeara (BTN) Negeri Melaka, Kelab Rekreasi dan Sukan Ekstrim UTeM serta UTeM Runners Orienteers Club.

Setiausaha program Syadiyah Nur Sabrina Amir Hashim berkata, pendakian tersebut menguji ketahanan fizikal dan mental peserta dengan laluan pendakian yang mencabar berikutan bentuk muka bumi gunung tersebut yang sangat curam.

"Alhamdulillah, semua peserta telah berjaya mempamerkan semangat yang tinggi untuk menghadapi rintangan dan kesukaran bentuk muka bumi yang curam untuk sampai ke destinasi" ujarnya.

Beliau berkata, semangat daya juang yang ada dalam diri para peserta telah mendorong untuk menawan puncak gunung tersebut disamping mempromosi aktiviti sihat dalam kalangan pelajar.

"Selain itu, turut diadakan aktiviti memasak dan pemasangan khemah dan solat berjemaah bagi menyemai semangat bekerja berkumpulan serta membentuk sifat kepimpinan dalam diri peserta," katanya.

Jelas Nur Sabrina lagi, aktiviti itu merupakan antara program riadah yang sering dianjurkan oleh pihaknya bagi mendekatkan golongan pelajar dengan alam sekitar serta bertujuan untuk membina kekuatan mental dan fizikal bagi mengisi masa yang terluang" katanya.

Pendakian itu juga telah berjaya membantu merapatkan hubungan antara satu sama lain selain dapat berfikiran positif untuk menawan puncak.

Menurutnya, meskipun berdepan dengan bentuk muka bumi yang berliku namun mereka amat terpukau dengan kecantikan flora dan fauna serta pemandangan Tanjung Resang dan Laut China Selatan ketika berada di atas puncak gunung.



UPCOMING EVENTS



ICOHAT 2016 INTERNATIONAL CONFERENCE ON HUMANITIES AND TECHNOLOGY (ICOHAT 2016)

Organized by
Center for Languages and Human Development &
C-Ted (Center of Technopreneurship Development), IPTK

Selected papers will be published in SCOPUS indexed publication

● 17-18 August 2016
Avillion Hotel Melaka, Malaysia



MEDIA
SOSIAL
UTeM

www.utem.edu.my

-  MyUTeM
 UTeM_my
 utem_moments

scan this!



سَلَامٌ
عَلَيْكُمْ
وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَّهُ

1437H

MAAF ZAHIR & BATIN



DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS

PEJABAT NAIB CANSELOR
&

PEJABAT PENGURUSAN & PERHUBUNGAN CANSELORI